

24 kluster dikesan, kadar positifiti lebih 80 peratus

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan 24 kluster COVID-19 di negara ini yang menunjukkan kadar positifiti melebihi 80 peratus.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata sebagai contoh, Kluster Alam Jaya Dua yang dikesan di Selangor menunjukkan sejumlah 119 daripada 141 individu yang disaring, positif COVID-19.

"Ia menunjukkan apabila kita melaksanakan ujian, terdapat kes dengan kadar positifiti tinggi di kawasan tertentu. Kita juga mendaftarkan kes daripada lokasi kluster yang mempunyai kadar positifiti tinggi.

"Ini yang kita gunakan untuk surveilan genom dan mengesan varian baharu," katanya pada sidang media mingguan Badan Bertindak Imunisasi COVID-19

(CITF) bersama Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, semalam.

Sehingga 19 Jun lalu, katanya, sejumlah 2,604 kluster dikesan di negara ini dengan 824 masih aktif dan sepanjang Minggu Epid ke-24 pula, sebanyak 79 kluster ditamatkan, iaitu penurunan sebanyak 6 peratus berbanding minggu epid sebelumnya.

"Sebanyak 142 kluster baharu direkodkan pada Minggu Epid ke-24, berkurang 7.8 peratus berbanding minggu epid sebelumnya. Sebanyak 96 kluster adalah kluster tempat kerja, 31 kluster komuniti, lapan kluster kumpulan berisiko tinggi, lima kluster pusat

tahanan dan dua kluster institusi pendidikan," katanya.

Selain itu, Dr Adham berkata, Minggu Epid ke-24 mencatatkan pengurangan sebanyak 6.5 peratus atau 38,911 kes berbanding minggu epid sebelumnya dan KKM juga merekodkan 68,462 kes purata mingguan, pengurangan 16 peratus berbanding minggu epid sebelumnya.

"Kadar kematian membabitkan kes COVID-19 juga menunjukkan pengurangan 8.9 peratus berbanding minggu epid sebelumnya iaitu sebanyak 504 kes kematian dilaporkan sepanjang Minggu Epid ke-24.

"Sebanyak 910 kes purata di-



Dr Adham Baba

catatkan pada Minggu Epid ke-24 iaitu peningkatan 0.6 peratus, namun purata kes memerlukan alat bantuan pernafasan berkurangan sebanyak 0.9 peratus (450 kes) sepanjang tempoh sama.

"Sejumlah 561,156 ujian pengesanan COVID-19 juga dilaksanakan sepanjang tempoh sama, iaitu peningkatan sebanyak 10.9 peratus berbanding minggu epid sebelumnya, manakala kadar positifiti ujian meningkat 0.3 peratus kepada 6.9 peratus," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, vaksin COVID-19 pertama negara jenis *messenger ribonucleic acid* (mRNA) sedang dibangunkan melalui kerjasama Institut Kajian Perubatan (IMR) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) bermula November lalu dan ia dalam peringkat pengklonan.

"Kini dalam peringkat

pengklonan varian asal virus dan varian lain SAR-CoV-2. Selepas ini, kajian keberkesanan akan dibuat iaitu praklinikal terhadap haiwan besar dan kecil dan kemudian kajian klinikal terhadap manusia fasa satu dua dan tiga sebelum pendaftaran dan pengilangan," katanya.

Mengenai persoalan berkaitan indikator untuk Pelan Pemulihan Negara, beliau berkata, PPN mempunyai tiga indikator penting, iaitu bilangan kes harian, kapasiti Unit Rawatan Rapi (ICU) serta vaksinasi terhadap populasi negara.

"Kita perlu pastikan kes harian kurang daripada 4,000. Kita ada masa lagi antara 21 hingga 28 Jun, selama tujuh hari dan kita masih memantau. Kita yakin ia dapat dilepasi dengan kerjasama, solidariti dan tekad untuk terus membendung COVID-19," katanya.